

**TEKS PERGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGAL PERTAMA**

Salam sejahtera dan salam harapan kepada semua. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat penggulungan. Saya ingin mengucapkan kepada semua ahli-ahli yang berhormat yang melibatkan diri dalam isu belia dan sukan.

Dato' Yang di-Pertua,

Yang pertama saya akan menjawab soalan dan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Komtar. Saya memahami golongan belia menghilangkan keyakinan terhadap politik selepas Langkah Sheraton. Semasa kita berbincang isu semasa atau isu politik dengan golongan belia, kita boleh mendapati golongan belia tidak berminat dengan politik. Sebenarnya kerajaan negeri telah mengadakan satu program yang dikenali sebagai kempen Undi 18. Kempen ini telah dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) sejak tahun 2020. Dalam kempen ini merangkumi Simulasi Pilihan Raya dan taklimat untuk golongan belia memahami ilmu asas pentadbiran dan negeri. Di sini, saya harap semua ahli dewan undangan negeri berkerjasama dengan pejabat saya untuk menganjurkan kempen Undi 18 di setiap Kawasan. Saya harap dapat menggunakan pengaruh ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyeru golongan belia di kawasan anda untuk menyertai kempen Undi 18.

Yang Berhormat Komtar juga mencadangkan sesi dialog dengan peminpin diadakan untuk golongan belia. Saya bersetuju apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat. Cadangan ini saya akan berbincang dengan PYDC dan saya percaya program ini akan diwujudkan pada masa yang akan datang

Dato' Yang di-Pertua,

Seterusnya, saya ingin menjawab soalan dan apa telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pulau Betong. Di sini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pertubuhan bukan kerajaan yang telah meluangkan masa dan tenaga kepada negara atau negeri dari dulu sampai sekarang.

Kerajaan negeri Pulau Pinang sangat menghargai sumbangan yang diberi oleh Pesketuan Pengakap Malaysia Pulau Pinang, Pandu Puteri Pulau Pinang, Bulan Sabit Merah Pulau Pinang, St John Ambulance Pulau Pinang, Boys Brigade Pulau Pinang dan Girl's Brigade Pulau Pinang. Sekiranya semua pertubuhan bukan kerajaan ini memerlukan sembangan kewangan daripada kerajaan negeri, saya akan membantu pertubuhan bukan kerajaan mendapat sumbangan kewangan daripada kerajaan negeri.

Kerajaan negeri Pulau Pinang akan sentiasa berkerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan yang sentiasa memberi manfaat kepada masyarakat. Kerajaan negeri akan terus menyokong aktiviti sukarelawan untuk keamanan dan keharmonian diwujudkan di negeri kita.

Yang Berhormat juga membangkitkan Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda dan Yang Berhormat juga mempersoalkan apakah usaha akan diberikan oleh kerajaan negeri untuk menjayakan program ini. Kalau saya tidak kesilapan, program ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Oleh itu, saya berasa kerajaan negeri tidak perlu campur tangan dalam perkara ini. Sekiranya program ini merupakan program yang bermanfaat, kerajaan negeri menggalakan anak muda negeri Pulau Pinang untuk mendapat anugerah ini

Dato' Yang di-Pertua,

Selain itu, saya ingin memberi pandangan saya kepada cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Seberang Jaya. Yang Berhormat Seberang Jaya telah menyentuh isu berkaitan pendidikan sivik dan kewarganegaraan. Persoalan yang dikemukakan kepada kerajaan negeri ialah cara-cara kerajaan negeri untuk membantu kerajaan persekutuan. Dalam pandangan saya, kerajaan persekutuan haruslah menambah pendidikan sivik dan kewarganegaraan dalam buku teks sejarah atau menganjurkan program dan kempen yang berkaitan dengan pendidikan sivik dan kewarganegaraan dalam kawasan sekolah. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Seberang Jaya berjumpa dengan sahabat anda iaitu Menteri Pendidikan untuk mengemukakan cara-cara memperkasakan pendidikan sivik dan kewarganegaraan.

Kerajaan negeri Pulau Pinang merupakan kerajaan negeri yang paling bertanggungjawab. PYDC telah menganjurkan Kempen Undi 18 untuk memberi pendidikan sivik dan kewarganegaraan kepada golongan belia di setiap kawasan dun. Saya menjamin bahawa kerajaan negeri akan mengadakan program atau kempen yang lebih banyak untuk memberi pendidikan sivik dan kewarganegaraan kepada golongan belia. Saya juga berharap semua pihak memberi kerjasama kepada pihak kerajaan negeri untuk memastikan golongan belia yang berumur 18 ke 21 akan keluar undi semasa pilihan raya umum ke 15.

Dato' Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Permatang Pasir telah mecadangkan bahawa kerajaan negeri Pulau Pinang mewujudkan program atau kempen untuk menggalakan anak muda melibatkan anak muda dalam bidang pertanian. Saya menyokong dan bersetuju cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat Permatang Pasir. Kerajaan negeri Pulau Pinang memahami kepentingan pelibatan anak muda dalam bidang pertanian. Saya akan membawa cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat Permatang Pasir kepada PYDC. Saya juga berharap Jabatan Pertanian Pulau Pinang boleh berkerjasama dengan PYDC. Saya berjanji kerajaan negeri akan memberi usaha untuk memperkasakan pelibatan anak muda dalam bidang pertanian. Dalam pandangan saya, kerajaan persekutuan memainkan peranan yang penting dalam perkara ini. Oleh itu, saya

Yang Berhormat Permatang Pasir juga mencadangkan bahawa kerajaan negeri mewujudkan satu program pendidikan politikan lepasan SPM. Saya bersetuju apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, PYDC sebuah agensi yang dibawah kerajaan negeri telah menjalankan satu program yang dikenali sebagai Kempen Undi 18. Saya tidak akan membuang masa untuk menjawab soalan ini sebab saya sudah menjawabbanyak kali.

Kesimpulannya, Saya percaya semua orang telah membaca berita yang berkaitan kes bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang beberapa hari ini. Terdapat banyak kes bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang bulan ini. Mungkin dalam hidup, macam-macam cabaran dan masalah akan kita hadapi. Tetapi kita harus menghadapi masalah ini dengan berani, saya percaya selagi kita tidak berputus asa, kita boleh menyelesaikan masalah. Sebenarnya, apa yang masyarakat kita kurang ialah dorongan dan keprihatinan. Mungkin dorongan dan keprihatinan anda boleh menyelamatkan nyawa. Dalam beberapa hari kebelakangan ini, kita dapat melihat terdapat pelbagai pendapat di Internet untuk menyelesaikan masalah ini. Kita tidak mahu topik ini dibincangkan sahaja, kami berharap agar topik ini dapat diselesaikan dengan pelbagai cara. Saya berharap dunia ini akan menjadi lebih baik dan aman, dan tiada berita buruk akan berlaku lagi.

Pejabat saya akan berkerjasama PYDC untuk menganjurkan program dan kempen untuk membimbing golongan muda yang menghadapi masalah dalam kehidupan mereka. Golongan muda yang menghadapi masalah boleh menghubungi pejabat saya atau pejabat PYDC.

Ng Zhen Feng
N08 Bagan Jermal
Sidang Muda 2022 Penggal Pertama



SIDANG MUDA
PULAU PINANG